

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]

TARIKH : 23 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana usaha Kerajaan di dalam menjadikan Tok Bali sebagai sebuah pelabuhan dan pengkalan persisir dalam sektor minyak dan gas terutamanya untuk wilayah timur Semenanjung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tok Bali pada masa ini bukanlah merupakan pelabuhan komersial yang menguruskan kargo atau kontena seperti Pelabuhan Klang, Kuantan, Kemaman, Tanjung Pelepas dan lain-lain. Tok Bali merupakan sebuah Pangkalan Bekalan atau “*supply base*” yang menyokong aktiviti luar pesisir pantai bagi sektor minyak dan gas terutamanya di kawasan antara Semenanjung Malaysia dan Thailand di bawah platform Kerjasama Malaysia-Thailand *Joint Development Area* (MTJDA).
2. Pangkalan Bekalan ini dimiliki dan dioperasikan oleh pihak swasta sepenuhnya iaitu TB Supply Base Sdn. Bhd. Pada masa kini, pihak *East Coast Economic Region Development Council* (ECERDC) melalui firma perunding utama iaitu PricewaterhouseCoopers Advisory Services Sdn Bhd sedang melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan Perluasan Pangkalan Bekalan Tok Bali sebagai **Pelabuhan**.
3. Kajian Kebolehlaksanaan ini adalah penting untuk membuat penilaian secara menyeluruh terhadap potensi Tok Bali sebagai pelabuhan komersial termasuk kelangsungan jangka panjang sebelum perancangan pembangunan masa hadapan dilaksanakan.
4. Tambahan daripada itu, kesemua pelabuhan-pelabuhan Persekutuan di bawah kawal selia Kementerian Pengangkutan telah diswastakan di mana kos pembangunan dan operasi pelabuhan-pelabuhan ini adalah di bawah tanggungjawab syarikat konsesi yang telah dilantik oleh Kerajaan.
5. Dalam hubungan ini, Kerajaan Persekutuan akan membuat penelitian sewajarnya secara menyeluruh berdasarkan Kajian Kebolehlaksanaan yang dijalankan sebelum ketetapan dibuat bagi cadangan Perluasan Pangkalan Bekalan Tok Bali kepada sebuah pelabuhan komersil.

Sekian, terima kasih.